



Jalur Ilmu dan Pendidikan yang Manusiawi

Sidek Baba

Profesor Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ilmu dan pendidikan mempunyai kaitan yang sangat rapat. Ilmu tanpa pendidikan ibarat resipi hidup yang tidak diolah. Pendidikan tanpa ilmu ibarat pembentukan insan tanpa petunjuk dan pedoman. Ilmu ibarat isi, dan pendidikan sebagai kulit akan menjadikan resipi hidup sempurna. Ilmu yang berasaskan akal dan duniawi semata-mata tidak menepati keperluan suatu kehidupan. Akan tetapi, akal yang berjalan seiring dengan wahyu memberikan maksud faktor zahir dan batin terbentuk dalam tasawur yang Islami.



Proses pengilmuan ibarat ketibaan jalur makna kepada diri. Maklumat, data dan fakta harus memberikan makna tentang hidup dan kehidupan. Jika tidak, kita meletakkan manusia terus berada dalam pencarian. Ilmu akli semata-mata belum menyebabkan kita menerima jalur makna yang menyeluruh. Ada faktor zahir dan batin yang perlu difahami. Faktor zahir lebih bersifat rasional, logik dan boleh ditafsirkan secara empiris. Faktor batin mengatasi rasional dan logik kerana terhubung dengan tuntutan beriman dengan perkara yang ghaib.

Proses pendidikan bukan sekadar maklumat disampaikan dan keterampilan diberikan, tetapi juga proses transformasi diri. Diri bukan sahaja perlu diperkukuh dengan akal bagi membolehkan manusia berfikir, tetapi dengan hati untuk membolehkan manusia berzikir (mengingati Allah). Fikir dan zikir apabila bertaut akan membangunkan akal dan budi. Akal dan budi merupakan sinergi dalam diri yang terpancar melalui niat untuk diterjemahkan ke dalam amal. Amal akan menjadi baik bukan sahaja dalam pemikiran, tetapi kebaikan itu akan terlihat dalam amalan. Proses ini dipandu oleh ilmu naqliyah (wahyu) dan menjadi pedoman dan petunjuk kepada manusia.

Lafaz zikir Allahuakbar bukan hanya bersifat lafzi yang diucap berulang-ulang, tetapi memberikan makna yang cukup bererti kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana kebesaran Allah bukan sahaja terhubung dengan saiz sesuatu benda, tetapi terhubung dengan Allah sebagai pencipta, pengurus atas segala, pemberi rezeki, rahmat dan nikmat sehingga membolehkan manusia hidup dengan sejahtera dan bermakna.

Oleh itu, fikir dan zikir merupakan gandingan yang amat serasi kerana faktor akliyah berkembang berasaskan faktor naqliyah yang sifatnya memberikan petunjuk dan pedoman supaya makna hidup dan kehidupan dalam iman dan takwa. Iman meyakini hal yang ghaib, dan takwa memberikan insaf-ketuhanan yang tinggi supaya apa-apa yang difikir, disebut dan ditulis, dibuat dan diamal sentiasa dalam keinsafan Allah Yang Maha Mendengar, Maha Mengetahui dan Maha Melihat segala yang tersurat dan tersirat. Hal tersebut membina sikap beradab, iaitu mempunyai disiplin fikir, zikir (hati) dan amal. Hal ini akan menyebabkan kehidupan dilalui berada dalam keadaan tertib dan teratur.

Tertib dan teratur dalam amalan menjadikan manusia lebih bersifat manusiawi. Manusiawi

mengambil pertimbangan ihsan yang tinggi dengan Allah, sesama manusia dan terhadap alam sekitar. Kualiti manusiawi menjadikan manusia memiliki sifat belas kasihan, bertimbang rasa, berlaku adil, memiliki sifat amanah dan bijaksana dalam melakukan sesuatu. Kezaliman bukan menjadi amalan, malah telus dan tulus dijadikan pedoman.

Oleh itu, perkara yang menjadi asas dan landasan ialah integrasi ilmu naqli dan akli yang membentuk fikrah dan tasawur Islami supaya terbentuk sifat manusiawi dan mengembalikan manusia kepada fitrah. Manusia yang fitrah bukan sahaja sempurna zahirnya, tetapi diperkukuh oleh batin supaya faktor keseimbangan peribadi terjadi.

Faktor keseimbangan ini merupakan asas untuk menjalani hidup yang lebih tertib, teratur dan sempurna. Fikrah Islami menolak asas melampau, ekstrem dan tidak berperikemanusiaan. Pendekatan *wasatiyyah* yang terungkap dalam al-Quran memberikan pedoman kepada manusia supaya memiliki sifat berimbang supaya batas halal dan haram dimengerti, dosa pahala difahami agar jiwa tenang dan damai terserlah. Manusia tetap menghadapi pelbagai cabaran dalam hidup, tetapi asas kesabaran dan ikhtiar merupakan jalan bijaksana untuk meleraikan masalah dengan jiwa tawakal yang tinggi.

Proses pengilmuan tanpa etika dan nilai Qurani menjadikan manusia ibarat kulit tanpa isi. Hal tersebut akan mencetuskan watak haiwani yang memfokuskan tentang hal duniawi, kebendaan dan nafsu nafsi menyebabkan hilangnya kawalan diri kerana tanpa iman dan takwa, manusia hilang petunjuk dan pedoman. Hal ini yang mendorong manusia melakukan kezaliman dan kekejaman sehingga menyebabkan krisis terjadi, pertumpahan darah berlaku, peperangan mengambil tempat, bukannya perundingan dan mencari jalan damai lantaran sifat ego dan takabur.

Ilmu yang integratif sepatutnya menjadi suluh kepada jalur hidup yang bermakna. Jalur hidup yang bermakna terjadi hasil berlakunya proses keilmuan yang memberikan makna kepada manusia bahawa hidup dan kehidupan suatu amanah untuk disempurnakan. Amanah terhadap diri dan Pencipta, amanah diri terhadap orang lain dengan melakukan kejujuran, keadilan, timbang rasa dan toleransi supaya faktor manusiawi menjadi agenda utama dalam kehidupan.



Proses pengilmuan dan pendidikan berperanan membentuk manusia. Kalau yang diperlukan ialah kejayaan akademik dan kemahiran teknologi, pemindahan maklumat dan keterampilan menjadi fokus utama. Hal ini menjadikan manusia bersifat duniawi dan menjadikan kebendaan sebagai matlamat hidup dan nafsu sebagai dorongan melakukan sesuatu. Proses pengilmuan dan pendidikan sebegini cenderung melahirkan manusia yang berwatak tidak manusiawi. Watak haiwani ini tidak mempunyai kualiti ihsan. Keangkuhan dan kesombongan diri terserlah, kepentingan diri menjadi buruan, pertimbangan terhadap orang lain dilupakan dan akhirnya sifat ego dipamerkan atas dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal.

Sebaliknya, proses pengilmuan dan pendidikan yang menjadikan etika Qurani dan nilai murni bergerak seiring dengan kekuatan akademik dan kecanggihan keterampilan, bakal membentuk manusia yang cenderung kepada faktor manusiawi, tidak menyalahgunakan sains dan teknologi untuk maksud duniawi semata-mata, tetapi pertimbangan akhlak menjadikan manusia memiliki watak ihsan yang memahami pentingnya sifat amanah, adil dan timbang rasa supaya melaksanakan amal yang membawa kebaikan terserlah. Kualiti manusiawi ini amat dituntut untuk dimiliki oleh manusia lantaran kita ini hamba-Nya dan berperanan sebagai khalifah untuk mensejahterakan kehidupan.

Kehambaan dan kekhalifahan adalah dua perkara yang menjadikan kita insan yang fitrah. Kehambaan mendukung sifat taat, akur, tunduk dan patuh. Taat kepada perintah Allah menyemai sifat ubudiyah yang tinggi. Tidak berlaku pelanggaran akidah, ibadat, syariah dan akhlak yang menyebabkan manusia hilang kawalan dan pedoman. Akur dengan pedoman rahmah alamiah (*rahmatan li al-'alamin*) menjadikan kita bersifat *wasatiyyah* dan berimbang supaya jalur fikrah dan amaliah berada dalam kesederhanaan, bukan melampau dan di luar batasan. Tunduk kepada petunjuk Allah yang terungkap dalam al-Quran dan dipandu oleh sunah Rasulullah memberikan kita pedoman mengenai jalan yang benar dan lurus (*siratulmustakim*) supaya kehidupan berada dalam reda Allah. Kepatuhan kepada hukum Allah menjadi terlalu penting dan keingkaran terhadapnya mendorong kepada kesesatan dan kejahilan.

Kekhalifahan memberikan kita peranan dalam hal mengurus diri dan sistem. Tanpa watak

kekhalifahan, kepimpinan dan kepengikutan menjadi tidak terkawal. Kepimpinan harus mempunyai contoh yang baik (*qudwah hasanah*) supaya menjadi sumber teladan dan ikutan. Pengikut pula harus mempunyai sifat taat supaya konsep *ulul al-amri* memberikan makna yang tersendiri. Kekhalifahan menuntut watak yang amanah, adil, bijaksana dan ihsan yang tinggi supaya urusan kepimpinan berada dalam reda Allah. Jika faktor ini ditunaikan, tidak ada sebab kepengikutan menjadi ingkar.

Pada masa ini, ramai orang tidak berguru dengan guru. Manusia menjadikan teknologi maklumat sebagai guru. Banyak penyimpangan terjadi kerana manusia berpandu kepada maklumat yang tidak tepat, palsu dan mengelirukan. Maklumat tersebut disebarkan semahu-mahunya tanpa disiplin yang benar dan tidak benar sehingga menyebabkan terbentuknya cara berfikir songsang yang





mengakibatkan kezaliman terjadi.

Dalam tradisi Islam, mempelajari sesuatu mestilah berguru. Berguru hendaklah daripada orang yang berilmu, tahu salah dan benar akan sesuatu, dan tidak mudah menyebarkan maklumat sebelum diperiksa (*tabayyun*) supaya ilmu tersebut tidak datang daripada orang yang fasik. Berilmu dalam Islam merujuk sumber al-Quran dan sunah, bukan daripada pendapat dan persepsi yang didorong oleh nafsu hasad dan dengki atau prasangka yang melulu. Hal ini sedang menjadi budaya hidup dalam kalangan umat manusia, dan menyebabkan kecelaruan dan kekeliruan terjadi. Dengan hal yang demikian, kualiti manusiawi akan tergugat dan sukar untuk dipulihkan lantaran hal tersebut telah membentuk tabiat.

Oleh sebab itulah, pentingnya maklumat dan ilmu yang benar disebar dan dipelajari supaya

“ Ilmu dan pendidikan yang benar dan mendidik sifatnya akan menghasilkan watak yang beriman dan bertakwa.”

pengguna maklumat tidak terjebak dengan perkara yang tidak pasti dan ragu sehingga menyebabkan perbezaan pendapat bertambah tajam dan krisis tidak dapat dileraikan. Hal ini akan menyebabkan hubungan sosial manusia menjadi tegang, salah faham mudah terjadi, prasangka buruk cepat lahir, persepsi salah senang berlaku, dan akhirnya permusuhan terjadi. Dendam dan fitnah pula pantas merebak dan memusnahkan hubungan sahabat dan keluarga kerana nilai kemanusiaan menuntut ketelitian, kesabaran, baik sangka dan tidak cepat membuat kesimpulan benar dan salahnya akan sesuatu berlaku sebelum pemeriksaan terjadi. Jika ragu dan tidak pasti, jangan pula disebar kepada yang lain. Menyebarkan sesuatu yang tidak benar menyebabkan dosa terjadi dan musibah berlaku.

Pada akhir zaman ini, banyak bencana dan musibah terjadi hasil perbuatan tangan-tangan manusia seperti yang terungkap dalam al-Quran. Oleh sebab itu, al-Quran mengingatkan manusia supaya beriman dan bertakwa kepada Allah supaya menerima petunjuk dan pedoman daripada-Nya. Tanpa petunjuk dan pedoman, manusia dalam keadaan meraba-meraba mencari salah dan benar akan sesuatu. Ilmu dan pendidikan yang benar dan mendidik sifatnya akan menghasilkan watak yang beriman dan bertakwa.

Watak beriman dan bertakwa terlalu penting bagi manusia kerana daripadanya manusia yakin dan percaya kepada faktor *ghaibiyat* yang mengukuh jiwa batini dan resam amali. Hal ini akan menyebabkan ilmu yang benar dan pendidikan yang berasaskan faktor akli dan naqli tersimpul kuat dalam binaan watak dan pembentukan akhlak.

Watak dan akhlak yang baik merupakan cerminan keindahan Islam pada diri kerana inilah keperluan hidup yang sedang dicari oleh manusia. Apabila Rasulullah SAW mengungkapkan hadis yang bermaksud, “Didiklah aku dengan didikan yang terbaik”, maqasid daripada hadis ini ialah kembalilah kepada proses keilmuan dan pendidikan yang benar supaya bukan sahaja menjadi warga yang baik, tetapi yang lebih utama lagi menjadi insan yang baik. Warga yang baik mempunyai pengetahuan dan maklumat serta keterampilan untuk melakukan sesuatu yang baik, patuh kepada peraturan, mempunyai etika yang bersifat duniawi, dan mengamalkan etika Qurani yang penting bagi faktor duniawi dan ukhrawi. **DTI**